

Cambridge High School

CIRI-CIRI UNIK

Cambridge High School ialah sebuah sekolah campuran milik kerajaan negeri yang diasaskan pada tahun 1883 untuk menawarkan pendidikan berkualiti tinggi kepada pelajar-pelajarnya.

Cambridge High School terletak di kawasan seluas 8.5 hektar yang menghijau dalam persekitaran yang berhampiran bandar. Di Cambridge, anda boleh menikmati iklim yang sederhana dan persekitaran yang indah. Ia terletak hanya 15 minit perjalanan dari Hamilton City, di mana terletaknya Waikato University, dan 1.5 jam perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Auckland.

Pelajar-pelajar Cambridge High School telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di Waikato University serta institusi pengajian tinggi lain di New Zealand dan di luar negara.

Keseimbangan dalam peluang akademik, sukan dan budaya adalah kebanggaan sekolah kami. Kami telah menerima kemasukan pelajar antarabangsa sejak tahun 1989 dan mengalu-alukan kehadiran mereka di sekolah ini.

SOKONGAN PELAJAR

- Menerima kemasukan pelajar antarabangsa sejak tahun 1989
- Sekolah tinggi awam Decile 9
- Pendidikan berkualiti
- Reputasi antarabangsa
- Kemudahan terbaik
- Sokongan penuh daripada kakitangan
- Persekitaran yang indah dan selamat
- Sekurang-kurangnya empat lawatan setiap tahun untuk pelajar antarabangsa
- Peluang yang menarik
- Destinasi pembelajaran yang hebat
- Anda dapat belajar bersama-sama rakan-rakan antarabangsa di New Zealand.

SOKONGAN BAHASA (ESOL)

Penempatan di sekolah adalah bergantung kepada tahap kemahiran berbahasa Inggeris berdasarkan penilaian oleh pihak sekolah. Pelajar mestilah memiliki tahap asas pemahaman Bahasa Inggeris. Kelas ESOL akan disediakan tanpa caj tambahan.

PENGINAPAN

Semua pelajar antarabangsa akan ditempatkan di dalam kawasan penginapan di Cambridge yang telah disahkan selamat oleh pihak polis. Kebanyakan keluarga Homestay kami tinggal berhampiran dengan sekolah.

KURIKULUM

Sila layari laman web kami untuk senarai penuh subjek kurikulum yang ditawarkan: www.internationalstudents.school.nz

AKTIVITI EKSTRAKURIKULUM

Sila layari laman web kami untuk senarai aktiviti yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar: www.internationalstudents.school.nz

YURAN

Anggaran yuran pada tahun 2024 (termasuk GST):

- Yuran pendidikan: NZ\$16,000 termasuk tuisyen ESOL dan pinjaman buku teks kurikulum
- Insurans termasuk perubatan dan lawatan: NZ\$750
- Dana luar jangkaan, termasuk uniform/alat tulis dan kos berkaitan sekolah: NZ\$2000 (anggaran)
- Yuran penempatan Homestay: NZ\$250 per term
- Penginapan Homestay: NZ \$322 seminggu.



Butiran Hubungan

Mr. Craig Fuller, Cambridge High School, Private Bag 882, Cambridge, New Zealand

Tel: +64 7 827 5415 Faks: +64 7 827 5598

E-mel: fr@camhigh.school.nz

Laman web: www.internationalstudents.school.nz atau www.camhigh.school.nz

Facebook: www.facebook.com/CHSNZInternationalStudents

